Kerjasama DKSH, Novasina

- **Sedia perkhidmatan pengembangan pasaran**
- **Perlu akses kepada industri makanan, farmaseutikal**



KERJASAMA antara DKSH dan Novasina bakal memberi kelebihan kepada syarikat untuk meningkatkan kualiti, keselamatan produk serta membantu memperluaskan rangkaian di pasaran tempatan.

PETALING JAYA – DKSH melalui unit perniagaan teknologinya, yang juga rakan kongsi perkhidmatan pengembangan pasaran terkemuka yang membantu syarikat mengembangkan perniagaan mereka di Asia dan pasaran lain, telah meluaskan kerjasama strategiknya dengan Novasina AG (Novasina).

Novasina adalah peneraju global dalam penyelesaian pengukuran aktiviti air, ke Malaysia.

Melalui perjanjian tersebut, DKSH akan menyediakan perkhidmatan pengembangan pasaran secara menyeluruh untuk penyelesaian pengukuran aktiviti air terkemuka Novasina, sekali gus memperkukuh akses kepada industri makanan dan farmaseutikal di Malaysia serta meluaskan portfolio Instrumen saintifik DKSH.

Kerjasama yang diperluaskan ini dibina berasaskan kejayaan kerjasama antara DKSH dan Novasina di beberapa pasaran di Asia Pasifik, termasuk Australia, Kemboja, China, Indonesia, Jepun, Laos, Myanmar, New Zealand, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan dan Thailand.

Pengurus Besar, Teknologi DKSH Malaysia, Edmond Son berkata, usaha sama ini akan memberi manfaat kepada dua syarikat untuk jangka panjang dan pihaknya berharap akan dapat membantu pelanggan meningkatkan kualiti dan keselamatan produk serta kecemerlangan operasi.

"Penyelesaian inovatif Novasina melengkapi portfolio Instrumen Saintifik dan memperkukuh komitmen kami untuk menyediakan teknologi bertaraf terbaik kepada pelanggan dalam industri makanan dan farmaseutikal.

"Kami berharap dapat membantu pelanggan meningkatkan kualiti dan keselamatan produk serta kecemerlangan operasi," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Novasina AG, Felix Oesch menjelaskan, kerjasama yang terbina antara dua syarikat berasaskan kepada kepercayaan dan nilai bersama selama bertahun-tahun.

"Dengan memperluaskan kerjasama ini ke Malaysia, kami dapat memberikan sokongan yang lebih baik kepada pelanggan melalui kehadiran kukuh DKSH di pasaran tempatan, pasukan komersial yang berpengalaman serta keupayaan perkhidmatan yang menyeluruh.

"Kami yakin kerjasama ini akan dapat membantu kami menjangkau lebih ramai pelanggan dan mempercepatkan pertumbuhan kami di pasaran Malaysia," ujarnya.

OE bantu bina ekosistem usahawan berjaya



KHIU (tengah) bersama pengurusan kanan syarikat dan juga usahawan yang menyertai majlis pelantikan jawatan kuasa kebangsaan MDMT di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PETALING JAYA – Peranan OE Outstanding Entrepreneurs EduGroup (OE) untuk memperkasa usahawan tempatan kini semakin berkembang lebih jauh bukan sekadar untuk membimbing mereka dengan kursus keusahawanan dan juga pendidikan tetapi lebih melihat kepada pembangunan ekosistemnya.

Pengasasnya, Datuk Wira Dr Calvin Khiu berkata, pendidikan adalah titik penubuhan tetapi bagi OE, ia mahu membangunkan ekosistem masa depan yang lebih berkualiti buat ahli-ahli perniagaannya.

Menurut beliau, perjalanan seorang usahawan di OE tidak seharusnya berakhir selepas menghadiri satu program tetapi pembelajaran sepatutnya menjadi pintu masuk untuk mengenali rakan seperjuangan, membina jaringan, menghubungkan sumber, membangunkan organisasi dan membawa hala tuju perniagaan ke arah lebih jauh.

Bersandarkan prinsip tersebut, OE terus membangunkan platform dan komuniti yang menghubungkan pendidikan, organisasi, jaringan usahawan, pengaruh dan legasi, dengan Million Dollar Mentor Table (MDMT) yang menjadi salah satu komponen penting dalam OE Entrepreneur Ecosystem.

"OE menekankan tiga prinsip pendidikan iaitu praktikal, mudah dipelajari dan boleh dilaksanakan yang matlamatnya bukan untuk menjadikan ilmu perniagaan sebagai sesuatu yang semakin rumit tetapi ia akan dapat membantu usahawan memudahkan perkara yang kompleks dan membawa apa yang dipelajari kembali ke syarikat untuk menghasilkan keputusan sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena Majlis Pelantikan Jawatankuasa Kebangsaan Million Dollar Mentor Table (MDMT) di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh ketua kumpulan, ahli jawatankuasa dan usahawan daripada 22 kumpulan MDMT di seluruh negara.



RIZAL FAUZI

MDV raih iktiraf pengurusan antirasuah

PETALING JAYA – Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) baru-baru ini menerima dua pengiktirafan daripada ABAC Center of Excellence Sdn. Bhd. (ABAC) iaitu pensijilan ISO 37001:2025 bagi Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) serta Sijil Pematuhan ISO 37002:2021 bagi Sistem Pengurusan Pendedahan Pemberi Maklumat (WBMS).

MDV menjadi organisasi perniagaan pertama yang menerima kedua-dua pengiktirafan yang dianugerahkan secara serentak oleh ABAC.

Sebagai anak syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MDV menyokong pembangunan ekosistem teknologi dengan menyediakan penyelesaian pembiayaan khusus kepada syarikat dan projek teknologi dalam sektor-sektor strategik.

Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Rizal Fauzi berkata, pendirian toleransi sifar terhadap rasuah serta komitmen terhadap integriti dan ketelusan melangkaui aspek pematuhan semata-mata.

"Prinsip-prinsip ini merupakan asas kepada pengoperasian organisasi kami. Sebagai sebuah organisasi milik kerajaan, kami memandang serius tanggungjawab ini.

"Kami telah melaksanakan kawalan yang kukuh dan proses yang ketat untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah.

"Di samping itu, kami juga mewujudkan satu rangka berstruktur berteraskan kepercayaan, kesaksamaan dan perlindungan kepada pemberi maklumat," katanya dalam kenyataan.

Pada awal tahun ini, MDV mengumumkan 10 inisiatif utama tadbir urus, termasuk penerapan ISO 37001 dan ISO 37002.